

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 08 Mac 2017 20:53
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Kedudukan UUM Melonjak Dalam QS World University Rankings By Subject Area



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia




8 MAC 2017 / 9 JAMADILAKHIR 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media

KEDUDUKAN UUM MELONJAK DALAM QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS BY SUBJECT AREA



UUM ONLINE: Kedudukan UUM terus melonjak naik dalam penarafan QS University Rankings by Subject Area menerusi Sains Sosial dan Pengurusan yang disenaraikan di tangga ke 315 terbaik dunia bagi edisi 2017.

Menerusi bidang Sains Sosial dan Pengurusan itu, UUM telah berjaya melonjak sebanyak 49 anak tangga berbanding di kedudukan ke-364 pada edisi 2014.

Selain itu, buat julung kalinya juga menerusi bidang Sastera dan Kemanusiaan, UUM berada dalam kedudukan 401-450 berdasarkan keputusan yang diumumkan hari ini menerusi laman web www.topuniversities.com.

UUM pada masa ini berada dalam kalangan institusi elit dunia apabila 4 daripada 46 subjek dan 2 bidang subjek disenaraikan dalam QS World University Ranking By Subject 2017.

Bagi penarafan QS University Rankings by Subject 2017, sebanyak tiga subjek baharu telah disenaraikan iaitu subjek Perniagaan dan Pengajian Pengurusan berada di kedudukan 251-300, diikuti Ekonomi dan Ekonometrik di kedudukan 301-350 serta Sains Komputer dan Sistem Maklumat di kedudukan 451-500, manakala Perakaunan dan Kewangan kekal di kedudukan 151-200 terbaik dunia dan kedua di Malaysia.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak melahirkan rasa gembira di atas pencapaian UUM dalam QS World University Rankings by Subject yang meningkat termasuk beberapa program yang disenaraikan buat pertama kali.

Menurutnya, lonjakan yang memberangsangkan itu merupakan hasil Pelan Strategik UUM yang telah dirancang rapi sejak 2011.

Pada tahun ini sebanyak 4,438 universiti telah dinilai dan 3,098 daripadanya yang layak, bagaimanapun hanya 1,117 institusi sahaja berjaya menduduki ranking secara keseluruhannya. Selain itu, lebih 127 juta sitasi (citation) dianalisis dan lebih 18,900 peruntukan program disahkan.

Dalam edisi terbaru ini, sebanyak 46 subjek disenaraikan dan dikelompokkan dalam lima bidang utama iaitu Art and Humanities; Life Science and Medicine; Natural Science; Social Science and Management serta Engineering and Technology, selain terdapat penambahan empat subjek berbanding edisi lalu dengan penyenaaran subjek Theology, Divinity and Religious Studies; Anatomy and Physiology; Hospitality and Leisure Studies dan Sports-related.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.